



KAKITANGAN MPK membuat rondaan bagi memantau persekitaran Sungai Klang supaya berada dalam keadaan bersih.

# Program meriahkan Sungai Klang

Oleh MOHD. ZAINI  
SAMSU HADI  
zaini@kosmo.com.my

KLANG - Apa kata kalau cuti hujung minggu diisi dengan mengikuti program Kempen Pembersihan Sungai Klang dan Sukan Air 2006 yang berlangsung di Taman Pengkalan Batu, Sungai Klang bermula 7 pagi hingga 5 petang hari ini?

Program julung-julung kali diadakan itu anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor serta agensi kerajaan daerah Klang.

Menurut Yang Dipertua MPK, Abdul Bakir Zin, program itu bukan sahaja untuk acara sukan air, malah pengisian program yang meliputi aktiviti pembersihan Sungai Klang.

Beliau berkata, penduduk



ABDUL BAKIR

Klang memang mengetahui status sungai itu yang kini pada tahap kritikal dan program tersebut adalah kaedah bagi mengubah keadaan.

"Kita harap dapat menanam sikap mencintai alam sekitar terutamanya dalam penjagaan sungai," katanya kepada *KOSMO!* ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Jelas Abdul Bakir, program yang diadakan itu diselenggarakan dengan hasrat kerajaan negeri dan akan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar.

MPK, katanya, melalui Bahagian Alam Sekitar serta mendapat kerjasama daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor telah bertindak membuat pembersihan sungai sejak awal lagi.

Peringkat pembersihan awal itu turut melibatkan kerjasama Abdul Bakir sendiri yang turun padang bagi sama-sama mengikuti operasi pembersihan tersebut.

Operasi itu bermula dengan rondaan sekitar Sungai Klang di bawah pentadbiran MPK sepanjang 20 kilometer disertai pegawai dan anggota yang terlibat teru-

tamanya bahagian alam sekitar.

Selain itu Abdul Bakir berkata, pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang sehari program itu berlangsung.

Antaranya senamrobik, gotong-royong pembersihan Sungai Klang, memasak ikan air tawar, pertandingan melukis dan mewarna untuk pelajar sekolah dan pertandingan memancing.

Acara-acara lain ialah pertandingan memancing terbuka, pertandingan jet ski, pertandingan bot laju kawalan jauh, pertandingan kayak Marathon 10K, pertandingan sampan enjin sangkut serta dapat menyaksikan persembahan hiburan daripada Kombo MPK.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik kerana program tersebut turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah.